

Nasmir pelopor kapsul halal tempatan



SALAH seorang pekerja Nasmir Hard Gelatin Capsules menunjukkan kapsul yang sudah siap diproses dan sedia untuk dipasarkan.

Oleh AZELI ALI

azeli.ali@utusan.com.my


Gambar SAZALI CHE DIN

TUNTUTAN menyediakan makanan serta produk kesihatan yang halal bagi kegunaan umat Islam adalah tuntutan utama yang tidak boleh dipandang ringan oleh semua pihak di negara ini.

Menyedari hakikat itu Nasmir Holding Sdn. Bhd. (Nasmir) melalui anak syarikatnya Nasmir Hard Gelatin Capsules Sdn. Bhd., mengambil langkah mengeluarkan produk sarung kapsul halal untuk kegunaan industri farmaseutikal yang dipasarkan di dalam dan luar negara.

Malah kilang terbabit merupakan satu-satunya kilang yang mendapat pengiktirafan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) sebagai pengeluar, pembekal, pengedar, pengimport dan pengeksport sarung kapsul halal yang diperbuat daripada bahan asas tulang lembu.

Pengerusi Nasmir, Kadhar Shah Abdul Razak berkata, jika selama ini ramai pengeluar produk farmaseutikal termasuk pengusaha ubat tradisional tempatan mendapatkan bekalan kapsul dari luar negara yang tidak disahkan halal namun kini mereka berubah



MUKHRIZ Mahathir (tengah) diiringi Khandar Shah Abdul Razak (kanan) ketika merasmikan kilang Nasmir Hard Gelatin Capsules Sdn. Bhd. di Bukit Mertajam, Pulau Pinang baru-baru ini.



kepada kapsul halal keluaran syarikatnya.

Menurutnya, sejak mula membawa masuk kapsul dari luar negara seperti India dan Pakistan pada 2005, beliau telah nampak peluang untuk memasarkan produk itu yang diproses secara halal di dalam negara.

“Pada 2004 mula timbul isu mengenai status halal kapsul ubat menggunakan gelatin yang diragui kerana didakwa menggunakan kulit babi dan tulang lembu yang disembelih tidak mengikut hukum syarak.

“Jadi sebagai peneroka industri halal dengan menawarkan produk yang disahkan berstatus halal, saya rasa menjadi tanggungjawab saya sebagai Muslim untuk mencari inisiatif gelatin yang halal,” katanya ketika ditemui di kilangnya baru-baru ini.

Pengerusi Nasmir Holdings itu sebelum ini berkecimpung dalam industri makanan melalui rangkaian Restoran Nasi Kandar Nasmir selain bidang perhotelan yang amat terkenal di Utara Semenanjung.

Beroperasi di tapak seluas dua hektar di Taman Perindustrian Ringan Seberang Jaya dekat sini, kilang itu telah dirasmikan Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Mukhriz Mahathir pada 15 Januari tahun lalu.

Tambah Khadar Shah, beliau mengambil masa selama dua tahun bagi membuat kajian ke atas pengeluaran gelatin halal di seluruh dunia serta pernah melawat 12 kilang di India dan Pakistan bagi mempelajari proses penghasilan gelatin itu menjadi kapsul serta bagaimana gelatin itu dihasilkan.

“Pada masa itu kami hanya mampu memenuhi 40 peratus pasaran kapsul ubat di negara ini namun sentiasa menyedari pasarannya amat luas dan dalam masa dua tahun kami menyasarkan 80 peratus pasaran kapsul halal untuk industri farmaseutikal di negara kita,” ujarnya lagi sambil mengakui hampir tiga tahun diperlukan untuk beliau merangka pelan menubuhkan kilang sendiri.

Selain itu katanya, beliau

membelanjakan hampir RM2 juta untuk menjalankan penyelidikan dan pembangunan (R&D) termasuk menghantar lapan kakitangannya menjalani latihan di India.

Pengeluaran pertama di kilang itu bermula pada Februari 2010 menggunakan tiga mesin serta mampu mengeluarkan sebanyak 5,400 jenis warna kapsul, yang mana dua penutup boleh dibuka dan ditutup kapsul dengan mudah.

“Dengan pengeluaran 24 jam sehari, kita mampu mengeluarkan 10 juta kapsul sehari dengan kapasiti tiga mesin yang ada.

“Menjelang 2013 kita akan menambah dua lagi mesin bernilai RM2.5 juta setiap satu dengan mampu mengeluarkan sebanyak 40 juta kapsul sehari.


“Ketika ini kira-kira 70 peratus daripada kapsul keluaran syarikat kami untuk pasaran tempatan manakala selebihnya dieksport ke beberapa negara seperti Indonesia, Bangladesh, Afrika dan beberapa negara di Asia Barat,” katanya.

Menurut beliau, apabila beroperasi sepenuhnya pada 2013, kira-kira 50 peratus daripada keluaran Nasmir Hard Gelatin Capsules akan dieksport dan selebihnya untuk pasaran domestik.

Ditanya kelebihan kapsul yang dihasilkan pihaknya, Kadhar Shah menjelaskan, pihaknya mampu mencetak nama syarikat farmaseutikal itu sendiri pada kapsul selain tempoh larutannya dalam badan kurang dari 15 minit.

Harga kapsul yang ditawarkan pihaknya juga amat rendah iaitu antara RM8 hingga RM15 untuk 1,000 kapsul yang dihasilkan mengikut saiz 00,0,1,2,3 dan 4.



 **Jadi sebagai peneroka industri halal dengan menawarkan produk yang disahkan berstatus halal, saya rasa menjadi tanggungjawab saya sebagai Muslim untuk mencari inisiatif gelatin yang halal**